

# Kumpulan Syarikat Sumitomo

## Dasar Pematuhan

## **Sumitomo Corporation Group's Corporate Mission Statement**

### **Corporate Vision**

We aim to be a global organization that constantly stays a step ahead in dealing with change, creates new value, and contributes broadly to society.

### **Management Principles**

- [Corporate Mission] To achieve prosperity and realize dreams through sound business activities
- [Management Style] To place prime importance on integrity and sound management with utmost respect for the individual
- [Corporate Culture] To foster a corporate culture full of vitality and conducive to innovation

### **Activity Guidelines**

- To act with honesty and sincerity on the basis of Sumitomo's business philosophy and in keeping with the Management Principles
- To comply with laws and regulations while maintaining the highest ethical standards
- To set high value on transparency and openness
- To attach great importance to protecting the global environment
- To contribute to society as a good corporate citizen
- To achieve teamwork and integrated corporate strength through active communication
- To set clear objectives and achieve them with enthusiasm

## Bahagian I: Pesanan daripada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Sumitomo Corporation

### Kandungan

**Bahagian I: Pesanan daripada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Sumitomo** halaman 5

- Apa yang perlu kita lakukan untuk mencapai impian
  - Apa yang tidak boleh ubah
  - Pendekatan Kumpulan Syarikat Sumitomo untuk mencapai “Pematuhan”
- 

**Bahagian II: Tentang Dasar Pematuhan Kumpulan ini** halaman 8

- Siapakah yang terlibat dalam Dasar Pematuhan Kumpulan (atau “Dasar”) ini?
  - Bagaimanakah Dasar Pematuhan Kumpulan ini berkaitpaut dengan undang-undang atau peraturan syarikat?
  - Apakah tanggungjawab pekerja?
  - Apakah tanggungjawab pihak pengurusan?
  - Bagaimanakah saya boleh melaporkan isu pematuhan?
- 

**Bahagian III: Prinsip Pematuhan Kumpulan** halaman 12

- ① Persaingan Adil
  - ② Undang-undang Perdagangan Antarabangsa termasuk Kawalan Perdagangan Keselamatan
  - ③ Undang-undang Berkaitan dengan Perniagaan Anda
  - ④ Ketepatan Akaun dan Rekod Syarikat Pematuhan Cukai
  - ⑤ Antisogokan dan Antirasuah
  - ⑥ Hak Milik Intelektual
  - ⑦ Pengurusan Maklumat
  - ⑧ Pemeliharaan Alam Sekitar
  - ⑨ Perdagangan Dalaman
  - ⑩ Menghormati Hak Asasi Manusia dan Pencegahan Diskriminasi dan Gangguan
  - ⑪ Konflik Kepentingan
-

## Bahagian I: Pesanan daripada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Sumitomo Corporation

### Bahagian IV: Tentang Sistem “SC Global Speak-Up”

halaman  
19

- Apakah Sistem “SC Global Speak-Up” ?
- Siapakah yang boleh menggunakan Sistem “SC Global Speak-Up” ?
- Apakah jenis isu pematuhan yang boleh dilaporkan melalui “SC Global Speak-Up”?
- Bagaimanakah “SC Global Speak-Up” berkaitpaut dengan mana-mana sistem pendedahan maklumat pematuhan atau sistem talian utama pematuhan yang sedia ada?

## Bahagian I: Pesanan daripada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Sumitomo Corporation

Para Pengarah, Pegawai dan Pekerja Kumpulan Syarikat Sumitomo,

Pada hari pelantikan saya sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Sumitomo, saya telah memberi ucapan kepada semua 60,000 orang rakan sejawat, termasuk pengarah, pegawai dan pekerja dalam Kumpulan Syarikat Sumitomo di seluruh dunia mengenai impian dan aspirasi tekad untuk dicapai bersama.

- Bekerjasama untuk mempertingkatkan bukan sahaja kehidupan pekerja tetapi juga seluruh masyarakat
- Berusaha menarik masyarakat terhadap perniagaan kita – masyarakat adalah penerima perubahan besar melalui Revolusi Industri Keempat

Untuk mencapai impian dan aspirasi ini, saya berharap bahawa Kumpulan Syarikat Sumitomo akan sentiasa menjadi sekumpulan individu yang berusaha dengan bersungguh-sungguh dan berterusan.

### APA YANG PERLU KITA LAKUKAN UNTUK MENCAPAI IMPIAN

Kita kini hidup dalam era perubahan besar iaitu Revolusi Industri Keempat. Ketika kita berusaha untuk mencipta nilai baharu dan mengubah diri kita sebagaimana keperluan untuk terus maju pada zaman perubahan ini, kita harus memahami bahawa Penyataan Misi Korporat yang berdasarkan Falsafah Perniagaan Sumitomo akan terus menjadi asas kita.

Kumpulan Syarikat Sumitomo sentiasa berupaya untuk berkembang seiring perubahan masa, tetapi perubahan yang akan kita alami dijangka lebih pantas dan lebih hebat daripada perubahan pada masa lalu. Walaupun nilai dunia dan tradisional berubah dengan drastik, kita hendaklah meletakkan asas keputusan berdasarkan dalam Penyataan Misi Korporat dan melalui aktiviti perniagaan yang mantap, berusaha untuk mencapai pertumbuhan yang baik dan mampan serta seiring dengan masyarakat.

### APA YANG TIDAK BOLEH UBAH

Sepanjang sejarah Sumitomo selama lebih 400 tahun, kita telah menyaksikan usaha berterusan pendahulu untuk mencapai Penyataan Misi Korporat. Usaha berterusan tersebut telah diwariskan kepada kita dalam bentuk “信用 (Shin-You)” – yang bermaksud "integriti" dan "kepercayaan" – dan merupakan satu aset Kumpulan kita yang sangat berharga. Dalam zaman

## Bahagian I: Pesanan daripada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Sumitomo Corporation

perubahan ini, pelanggan dan rakan kongsi perniagaan kita juga akan menghadapi lebih banyak cabaran di samping ketidak tentuan yang lebih hebat. Perkara yang boleh mereka yakini apabila berhadapan dengan situasi tersebut ialah kepercayaan bahawa kita merupakan rakan sekutu yang boleh dipercayai dan berintegriti. Apabila kita hilang kepercayaan mereka, kita juga akan hilang perniagaan mereka. Tanpa “信用 (*Shin-You*)”, atau “integriti” dan “kepercayaan”, Kumpulan Syarikat Sumitomo tidak akan wujud selama-lamanya.

### PENDEKATAN KUMPULAN SYARIKAT SUMITOMO UNTUK MENCAPIAI “PEMATUHAN”

Apabila kita menjalankan tugas harian menurut Garis Panduan Aktiviti yang menyatakan "Mematuhi undang-undang dan peraturan di samping memelihara standard etika paling tinggi," memelihara kepercayaan yang diwariskan kepada kita sepanjang sejarah yang panjang, dan usaha harian ini merupakan satu titik permulaan program pematuhan.

Kita harus mematuhi prinsip "**Utamakan Pematuhan**", yang bermaksud kita tidak sekali-kali mengambil bahagian dalam apa-apa tindakan yang boleh mendedahkan kepada isu pematuhan, dan "**Laporan Serta-Merta**", pekerja hendaklah melaporkan dengan segera sebarang masalah pematuhan kepada pengurus mereka atau individu atau jabatan yang relevan.

Semua rakan sejawat saya perlu memahami setiap perkara berkaitan dengan prinsip "Utamakan Pematuhan". Apabila kita menjalankan urus niaga, mungkin terdapat situasi konflik antara keuntungan dengan pematuhan syarikat. Dalam situasi demikian, kita tidak sepatutnya melanggar pematuhan dengan memberi keutamaan untuk mengejar keuntungan. Kumpulan Syarikat Sumitomo terdiri daripada syarikat yang berpangkalan di seluruh dunia dan merupakan ahli pelbagai industri. Namun, perkara yang wujud secara keseluruhan di kalangan kita adalah perniagaan berasaskan kepercayaan umum pada Kumpulan Syarikat Sumitomo dan harus manjalan kan perniagaan secara berintegriti demi kepentingan umum. Prinsip "Utamakan Pematuhan" merupakan sebahagian Penyataan Misi Korporat yang penting, dan boleh diamalkan oleh setiap pekerja dalam Kumpulan Syarikat Sumitomo.

Prinsip "Laporan Serta-Merta" tidak bermakna pelaporan isu pematuhan dengan ringkas adalah mencukupi; sebaliknya, sasaran prinsip ini adalah untuk memastikan bahawa isu pematuhan dilaporkan kepada pihak pengurusan serta-merta. Laporan segera membolehkan kita untuk mengumpul pakar-pakar dari jabatan relevan dan menyelesaikan situasi secepat and sebaik mungkin. Pelanggaran pematuhan atau situasi yang cenderung pelanggaran pematuhan hendaklah dilaporkan serta-merta.

## **Bahagian I: Pesanan daripada Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Sumitomo Corporation**

Pematuhan merupakan unsur-unsur utama untuk mendapatkan kepercayaan masyarakat bagi apa-apa aktiviti perniagaan. Untuk memelihara kepercayaan, kita mesti meningkatkan sensitiviti terhadap perubahan nilai masyarakat dan memelihara standard etika yang paling tinggi. Apabila ragu-ragu atau tertekan, pekerja hendaklah melaporkan kepada dan berbincang dengan pengurus mereka tanpa lengah-lengah, dan pengurus hendaklah memberikan perhatian sepenuhnya kepada kakitangan mereka. Mengatasilah situasi sukar berkenaan secara berkomunikasi and kerjasama ahli-ahli syarikat.

Semangat pematuhan Kumpulan Syarikat Sumitomo merupakan sesuatu yang diwariskan berterusan dan harus diturunkan kepada generasi masa hadapan. Pematuhan bukan sesuatu yang boleh dipaksa keatas kita. Namun, pematuhan adalah sesuatu yang dipupuk and diamalkan setiap hari dengan ikhlas apabila kita berinteraksi dengan rakan sekutu perniagaan, rakan sejawat dan masyarakat di samping mematuhi undang-undang dan etika serta memelihara integriti.

"Dasar Pematuhan Kumpulan Syarikat Sumitomo" ialah panduan untuk semua yang bekerja di Kumpulan Syarikat Sumitomo. Saya meminta semua rakan sejawat saya untuk mengambil kira Dasar ini semasa menjalankan tugas harian supaya kita boleh mencapai matlamat yang terkandung dalam Penyataan Misi Korporat bersama.

**Masayuki Hyodo**

**Pengarah Wakil**

**Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif**

**Syarikat Sumitomo**

**Mac 2019**

## Bahagian II: Tentang Dasar Pematuhan Kumpulan ini

### Tentang Dasar Pematuhan Kumpulan ini

#### ◆ Siapakah yang terlibat dalam Dasar Pematuhan Kumpulan (atau "Dasar") ini?

Dasar Pematuhan Kumpulan menghuraikan pendekatan pematuhan Kumpulan Syarikat Sumitomo dan menyediakan panduan bagi semua pekerja di setiap pejabat Kumpulan Syarikat Sumitomo di seluruh dunia. Tidak kira di mana kita berada, Dasar ini bertindak sebagai panduan untuk membantu usaha kita bagi mematuhi sepenuhnya undang-undang, peraturan dan standard etika berkuat kuasa pada setiap masa.

Dasar Pematuhan Kumpulan perlu dipatuhi oleh semua pengarah, pegawai, pekerja, pekerja kontrak, pekerja separuh masa, pekerja yang ditugaskan sementara di syarikat luar Kumpulan dan pekerja sementara ("Pekerja") mana-mana syarikat dalam Kumpulan Syarikat Sumitomo. "Kumpulan Syarikat Sumitomo" atau "Kumpulan" bermaksud, dalam Dasar ini, Syarikat Sumitomo dan anak-anak syarikat secara langsung atau tidak langsungnya. Anak syarikat merupakan mana-mana entiti yang dimiliki oleh Syarikat Sumitomo, secara langsung atau tidak langsung, memiliki lebih daripada 50 peratus hak undi atau sebaliknya Syarikat Sumitomo mempunyai hak kawalan. Apa-apa syarikat bawah Kumpulan Syarikat Sumitomo ialah "Kumpulan Syarikat Sumitomo".

Kita semua perlu memahami Dasar ini dan mengamalkannya semasa menjalankan kerja harian.

#### ◆ Bagaimanakah Dasar Pematuhan Kumpulan ini berkaitpaut dengan undang-undang atau peraturan syarikat?

### Hubungan antara "Dasar Pematuhan" dan undang undang serta peraturan setiap Kumpulan Syarikat Sumitomo:

Dasar Pematuhan Kumpulan menghuraikan prinsip utama yang berkaitan dengan pematuhan dan perlu dipatuhi oleh semua Pekerja di seluruh Kumpulan. Pekerja hendaklah memahami bahawa Dasar Pematuhan Kumpulan ini tidak meliputi semua dasar, peraturan atau standard lain yang sedia ada untuk setiap Pekerja. Dasar dan peraturan setiap Kumpulan Syarikat Sumitomo hendaklah berasaskan Dasar Pematuhan Kumpulan ini dan menyediakan butiran terperinci dengan mengambil kira undang-undang dan garis panduan tempatan dan industri khusus.

Dasar dan peraturan setiap Kumpulan Syarikat Sumitomo hendaklah konsisten dengan Dasar Pematuhan Kumpulan. Jika Kumpulan Syarikat Sumitomo telah mewujudkan dasar dan

## Bahagian II: Tentang Dasar Pematuhan Kumpulan ini

peraturan berkenaan, Pekerja syarikat berkenaan hendaklah terus mematuhi dasar dan peraturan syarikat berkenaan.

### **Hubungan antara Dasar Pematuhan Kumpulan dengan undang-undang dan peraturan setiap negara atau wilayah:**

Kumpulan Syarikat Sumitomo menjalankan perniagaan di seluruh dunia. Oleh itu, Pekerja hendaklah mematuhi undang-undang dan peraturan pelbagai negara dan daerah.

- Jika undang-undang atau peraturan tempatan memerlukan tahap standard yang lebih tinggi daripada Dasar Pematuhan Kumpulan ini, kita hendaklah mematuhi undang-undang atau peraturan berkenaan.
- Jika standard yang diperlukan oleh undang-undang atau peraturan tempatan adalah lebih rendah daripada Dasar Pematuhan Kumpulan ini, kita hendaklah melaksanakan standard Dasar ini.

#### **◆ Apakah tanggungjawab pekerja?**

Semua pekerja Kumpulan Syarikat Sumitomo perlu menjalankan tanggungjawab berikut.

Anda hendaklah:

- Memahami Dasar Pematuhan Kumpulan ini (atau jika syarikat anda telahpun mempunyai dasar dan/atau peraturan wajar, memahami dasar dan/atau peraturan berkenaan) dan mengamalkannya ketika melaksanakan kerja harian anda. Apabila ragu-ragu tentang pematuhan ketika melaksanakan pekerjaan anda, rujuklah Dasar Pematuhan Kumpulan ini.
- Mematuhi semua undang-undang, peraturan dan arahan kerajaan yang berkuat kuasa atas perniagaan kita di samping memelihara standard etika yang unggul.
- Membuat "Laporan Serta-Merta" apabila anda menyedari tentang isu pematuhan, tidak kira isu kecil atau besar. (Penerangan lanjut tentang "Laporan Serta-Merta" disediakan di bawah.) Anda hendaklah bekerjasama dengan pihak penyiasatan atau audit yang dijalankan oleh syarikat atau Kumpulan tentang isu tersebut.

#### **◆ Apakah tanggungjawab pihak pengurusan?**

Selain tanggungjawab pekerja, pihak pengurusan Kumpulan Syarikat Sumitomo perlu

## Bahagian II: Tentang Dasar Pematuhan Kumpulan ini

menjalankan tanggungjawab berikut.

Anda hendaklah:

- Sentiasa menekankan pematuhan syarat utama syarikat.
- Menunjukkan dengan jelas melalui kedua-dua tindakan dan pertuturan bahawa pematuhan perkara utama. Jika syarikat anda mengalami konflik antara keuntungan dan pematuhan, anda tidak sekali-kali membiarkan keputusan diambil oleh kakitangan dan harus mengambil langkah yang sepatutnya untuk memastikan bahawa pematuhan diberikan keutamaan.
- Memastikan bahawa Pekerja syarikat anda memahami Dasar Pematuhan Kumpulan ini (atau jika syarikat anda telahpun mempunyai dasar dan/atau peraturan wajar, pastikan bahawa mereka memahami dasar dan/atau peraturan berkenaan) dan boleh mengamalkannya dalam tugas mereka.
- Memberi maklumat kepada Pekerja bahawa setiap isu pematuhan perlu dilaporkan kepada anda serta-merta sama ada isu kecil atau besar.
- Memelihara persekitaran tempat kerja yang kukuh dari segi etika dan bercirikan komunikasi berkesan antara semua ahli syarikat.

### ◆ **Bagaimakah saya boleh melaporkan isu pematuhan?**


Semua pekerja Kumpulan Syarikat Sumitomo perlu membuat "Laporan Serta-Merta". Jika anda menyedari tentang isu pematuhan sebenar atau disyaki, anda hendaklah melaporkannya serta-merta melalui saluran pengaduan anda kepada pengurus atasan dan kepada mana-mana jabatan atau individu relevan yang bertanggungjawab dalam syarikat anda, sebagaimana yang dinyatakan dalam carta aliran di bawah.

Anda tidak perlu menunggu untuk memahami tentang isu itu dengan terperinci sebelum membuat laporan. Dengan membuat Laporan Serta-Merta, kami boleh memberikan maklum balas dengan pantas dan mencegah isu daripada menjadi lebih serius. Ini juga membolehkan kita memelihara Kumpulan dan Pekerjanya dengan cara yang lebih baik.

Apabila anda menerima Laporan Serta-Merta sebagai pengurus, anda hendaklah juga melaporkan dan membincangkannya dengan pengurus anda dan mana-mana jabatan relevan dengan serta-merta dan meminta nasihat atau arahan untuk menyelesaikan isu pematuhan dengan sewajarnya.

## Bahagian II: Tentang Dasar Pematuhan Kumpulan ini

<Carta Aliran “Laporan Serta-Merta” dari Kumpulan Syarikat Sumitomo>



\* “Organisasi Teraju” ialah organisasi (kebiasaannya unit perniagaan) dalam Syarikat Sumitomo atau pejabat daerahnya yang memainkan peranan utama untuk menyokong Kumpulan Syarikat Sumitomo tertentu. “Organisasi Sekutu” ialah organisasi dalam Syarikat Sumitomo atau pejabat daerahnya yang memainkan peranan sokongan dengan tujuan yang sama.

\* Jabatan Relevan terdiri daripada, sebagai contoh jabatan sumber manusia jika isu pematuhan melibatkan hal ehwal sumber manusia.

Jika, atas apa-apa alasan, anda rasa sukar untuk membuat laporan isu pematuhan melalui laluan pelaporan biasa, anda digalakkan untuk menggunakan sistem pendedahan maklumat syarikat (jika ada) atau Sistem “SC Global Speak-Up” untuk melaporkan isu tersebut. Sila rujuk bahagian akhir Dasar Pematuhan Kumpulan ini untuk maklumat lanjut tentang Sistem “SC Global Speak-Up”.

[baki halaman sengaja dibiarkan kosong]

### Bahagian III: Prinsip Pematuhan Kumpulan

#### Prinsip Pematuhan Kumpulan

1. Prinsip Pematuhan Kumpulan terdiri daripada 11 prinsip utama yang berkaitan dengan pematuhan yang perlu dipatuhi oleh semua Pekerja di seluruh Kumpulan.
2. Di bawah, terdapat 11 Prinsip Pematuhan Kumpulan dengan penerangan tambahan.
3. Sila baca 11 Prinsip Pematuhan Kumpulan dengan teliti dan penerangan tambahan untuk memahami Dasar ini sepenuhnya.

#### 1. Persaingan Adil

##### Prinsip:

Kita hendaklah menggalakkan persaingan adil melalui aktiviti perniagaan di samping sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan berkaitan dengan anti-trust dan persaingan adil.

##### Penerangan Prinsip:

###### Anti-monopoli, Anti-trust dan Larangan Perjanjian Anti-persaingan

Kita tidak sepatutnya mencipta atau mengambil bahagian dalam mana-mana monopoli yang tidak wajar. Ini termasuk perjanjian penipuan bida, atau perjanjian yang mengelak persaingan yang adil, perjanjian eksklusif atau perjanjian yang menyalahgunakan kedudukan dominan dalam pasaran. Kita tidak harus terlibat dalam perbincangan dengan pesaing bertujuan untuk menetapkan harga atau mengawal pengeluaran, atau membahagi antara mereka pasaran samada secara geografi and jenis pelanggan dan kita mesti mengelak daripada mengambil bahagian dalam komunikasi yang mewujudkan tanggapan perbincangan tidak wajar. Jika pesaing mencadangkan bahawa kita memasuki perjanjian anti-persaingan tertentu, kita hendaklah menolak permintaan berkenaan dengan jelas dan secara rasmi. Perjanjian demikian tidak dibenarkan dalam tender awam atau swasta serta urus niaga harian.

###### Mematuhi Semua Undang-undang dan Peraturan yang Berkuat Kuasa

Kita hendaklah memahami bahawa perjanjian sulit dengan pesaing dari negara asing boleh menimbulkan isu "kartel antarabangsa". Sebagai contoh, jika perjanjian sulit memberi kesan pada pasaran Amerika Syarikat atau Kesatuan Eropah, walaupun jika perjanjian berkenaan dibuat berkaitan dengan perniagaan yang dijalankan luar dari benua Amerika Syarikat atau Kesatuan Eropah (E.U.), terdapat kemungkinan bahawa Undang-undang Anti-trust Amerika Syarikat atau Undang-undang Persaingan EU boleh dikenakan.

### Bahagian III: Prinsip Pematuhan Kumpulan

#### 2. Undang-undang Perdagangan Antarabangsa termasuk Kawalan Perdagangan Keselamatan

##### **Prinsip:**

Kita hendaklah mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa serta protokol antarabangsa yang berkaitan dengan kawalan import dan eksport, kawalan perdagangan keselamatan dan kastam.

##### **Penerangan Prinsip:**

Sentiasa mematuhi peraturan dalaman berkaitan dengan import dan eksport barang dan teknologi supaya kita mematuhi semua undang-undang dan peraturan relevan serta protokol antarabangsa yang berkaitan dengan kawalan import dan eksport, kawalan perdagangan keselamatan dan kastam. Kita hendaklah sentiasa memahami barang dan teknologi yang didagangkan dan mengesahkan identiti pembeli, destinasi, pengguna akhir dan penggunaan akhir sebelum menyempurnakan perdagangan berkenaan. Kita juga hendaklah memperolehi semua lesen dan kelulusan yang diperlukan daripada pihak berkuasa relevan. Kita tidak sepatutnya terlibat dalam mana-mana perniagaan yang berkemungkinan merupakan atau kelihatan seperti satu ancaman terhadap keamanan atau keselamatan antarabangsa.

#### 3. Undang-undang Berkaitan dengan Perniagaan Anda

##### **Prinsip:**

Kita hendaklah sentiasa mempelajari, memahami dan mematuhi undang-undang dan peraturan berkaitan dengan perniagaan sepenuhnya.

##### **Penerangan Prinsip:**

Sebagai sebahagian daripada pemahaman perniagaan, kita hendaklah mempelajari dan memahami semua undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa atas perniagaan dan memberikan perhatian terhadap perubahan dalam undang-undang atau undang-undang baharu untuk memastikan kita sentiasa mematuhi mereka. Pekerja hendaklah memahami bahawa terdapat pelbagai undang-undang dan peraturan berkaitan dengan setiap bidang perniagaan. Sebagai contoh, terdapat undang-undang berkaitan dengan perlindungan alam sekitar, bahan kimia dan barang berbahaya serta logistik. Jika perlu, Pekerja hendaklah berbincang dengan jabatan atau individu bertanggungjawab untuk memahami tentang undang-undang dan peraturan tersebut. Selain daripada itu, kita tidak sepatutnya bertindak untuk mengambil kesempatan ke atas apa-apa kekaburuan atau kelemahan dalam undang-undang atau peraturan.

### Bahagian III: Prinsip Pematuhan Kumpulan

#### 4. Ketepatan Akaun dan Rekod Syarikat; Pematuhan Cukai

##### **Prinsip:**

Kita harus memelihara akaun dan rekod yang betul dan tepat serta menyimpan semua dokumen berkaitan dalam tempoh masa yang ditentukan. Kita hendaklah membayar cukai dan memenuhi kewajipan pembayar cukai dengan mematuhi undang-undang dan Prinsip Cukai Kumpulan Syarikat Sumitomo.

##### **Penerangan Prinsip:**

Kita hendaklah memelihara akaun, rekod dan maklumat tepat pada masanya untuk menggambarkan kedudukan kewangan sebenar dan memelihara aset syarikat. Kita juga harus mendedahkan maklumat yang diperlukan, tidak memalsukan pernyataan kewangan. Selain daripada itu, kita hendaklah menyimpan dokumen dan maklumat dalam tempoh masa yang diperlukan menurut undang-undang .

Sila rujuk di bawah untuk Prinsip Cukai Kumpulan Syarikat Sumitomo:

<[Prinsip Cukai Kumpulan Syarikat Sumitomo](#)>

#### 5. Antisogokan dan Antirasuah

##### **Prinsip:**

Kita hendaklah mengambil langkah tegas bagi mencegah rasuah, peruntukan manfaat yang tidak wajar dan bentuk rasuah lain. Kita tidak sepatutnya mengamalkan rasuah atau menjalankan apa-apa aktiviti yang boleh menimbulkan syak seperti menyogok pegawai kerajaan atau awam lain dari mana-mana negara, bandar atau daerah. Kita juga tidak sepatutnya menawarkan, menyediakan atau berjanji untuk menyediakan wang tunai atau faedah setaraan tunai, hadiah, hiburan atau sesuatu yang bernilai kepada pegawai awam untuk tujuan memperoleh atau mengekalkan perniagaan secara tidak wajar. Jika anda menerima permintaan daripada pegawai awam sehubungan demikian, anda hendaklah menolak permintaan dan syarikat akan menghubungi pihak berkuasa relevan jika perlu. Kita hendaklah mematuhi undang-undang tempatan dan asing tentang antisogokan dan antirasuah yang berkuat kuasa atas aktiviti perniagaan kami.

##### **Penerangan Prinsip:**

Untuk Prinsip Antirasuah Kumpulan Syarikat Sumitomo dan maklumat lanjut tentang sistem kawalan dalaman dan inisiatif Syarikat Sumitomo dan anak syarikat tempatan dan luar negara bagi antisogokan dan antirasuah, sila rujuk Dasar Antirasuah Kumpulan Syarikat Sumitomo.

### Bahagian III: Prinsip Pematuhan Kumpulan

<[Dasar Antirasuah Kumpulan Syarikat Sumitomo](#)>

#### 6. Hak Milik Intelektual

##### **Prinsip:**

Kita hendaklah melindungi hak milik intelektual ("IP") Kumpulan Syarikat Sumitomo dan juga hendaklah menghormati hak IP orang lain.

##### **Penerangan Prinsip:**

###### **Memelihara Hak IP Kumpulan Syarikat Sumitomo**

Hak cipta, tanda dagang, paten dan bentuk hak IP lain merupakan aset bernilai Kumpulan Syarikat Sumitomo. Jika anda menyedari situasi pelanggaran hak IP atau terdapat kemungkinan pelanggaran berkenaan, sila laporkan kepada pengurus anda serta jabatan atau individu bertanggungjawab.

###### **Menghormati Hak IP Orang Lain**

Kita juga hendaklah memberi perhatian yang rapi untuk mengelakkan sebarang pelanggaran hak IP orang lain. Sebagai contoh, jika anda merancang untuk menghasilkan dan menjual produk baharu yang dibangunkan dengan teknologi baru, atau jika anda merancang untuk menjual produk atau perkhidmatan dengan logo atau tanda baharu, anda hendaklah menjalankan penyiasatan wajar terlebih dahulu untuk mencegah pelanggaran hak IP orang lain.

#### 7. Pengurusan Maklumat

##### **Prinsip:**

**Kita hendaklah menguruskan maklumat sulit Kumpulan Syarikat Sumitomo dan maklumat sulit yang diterima daripada rakan kongsi perniagaan untuk mengelak pendedahan atau penggunaan maklumat sulit berkenaan tanpa kebenaran.**

##### **Penerangan Prinsip:**

###### **Menguruskan Maklumat Sulit Kumpulan Syarikat Sumitomo**

Rahsia perdagangan, kepakaran, data peribadi dan maklumat sulit lain Kumpulan Syarikat Sumitomo merupakan aset bernilai Kumpulan. Kita hendaklah menguruskan maklumat sulit berkenaan dengan wajar untuk membendung ketirisan, kehilangan atau salahguna tanpa kebenaran.

### Bahagian III: Prinsip Pematuhan Kumpulan

#### Menguruskan Maklumat Sulit Rakan Kongsi Perniagaan Kita; Larangan Pemerolehan Maklumat Tidak Wajar

Kita hendaklah menguruskan dengan wajar segala maklumat sulit yang diterima daripada pelanggan, pembekal dan rakan kongsi perniagaan lain menurut undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa, komitmen kita pada rakan kongsi perniagaan dan peraturan dalaman. Kita juga tidak sepatutnya memperolehi maklumat sulit pesaing atau lain-lain melalui cara yang tidak wajar.

#### Memberi Respons Insiden Dengan Wajar

Jika berlaku sebarang insiden dimana maklumat sulit telah disalahguna, hilang atau digunakan secara tidak wajar, kita hendaklah memberi laporan serta-merta dan mengambil semua langkah yang perlu untuk membendung kesan insiden berkenaan kepada pemilik maklumat sulit tersebut.

### 8. Pemeliharaan Alam Sekitar

#### Prinsip:

Kita hendaklah mematuhi Dasar Alam Sekitar Kumpulan Syarikat Sumitomo dan meletakkan pemeliharaan alam sekitar global sebagai satu kepentingan, di samping berusaha untuk mencapai pembangunan mampan melalui aktiviti perniagaan yang baik.

#### Penerangan Prinsip:

Kita hendaklah mematuhi Dasar Alam Sekitar Kumpulan Syarikat Sumitomo, semua undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkuat kuasa, dan juga mematuhi apa-apa perjanjian tentang pemeliharaan alam sekitar. Sila rujuk di bawah untuk Dasar Alam Sekitar Kumpulan Syarikat Sumitomo:

< [Dasar Alam Sekitar Kumpulan Syarikat Sumitomo](#) >

### 9. Perdagangan Dalaman

#### Prinsip:

Kita tidak sepatutnya melibatkan diri dalam mana-mana amalan yang melanggar atau yang mungkin kelihatan melanggar undang-undang dan peraturan perdagangan dalaman.

#### Penerangan Prinsip:

Pekerja tidak sepatutnya menggunakan maklumat bukan awam ("Maklumat Dalaman") syarikat (sama ada syarikat berkenaan dimiliki oleh Syarikat Sumitomo atau tidak) untuk membeli, menjual

### Bahagian III: Prinsip Pematuhan Kumpulan

atau menyebabkan orang lain membeli atau menjual sekuriti dagangan awam (seperti saham). Maklumat Dalaman secara umumnya bermaksud maklumat yang dianggap oleh pelabur munasabah sebagai penting dalam membuat keputusan untuk membeli, menjual atau memegang sekuriti, atau yang mempunyai kesan signifikan terhadap harga pasaran sekuriti berkenaan. Sebagai contoh, Maklumat Dalaman termasuk maklumat perancangan penggabungan atau pengambilalihan berskala besar atau modifikasi unjuran perolehan korporat yang signifikan. Jika anda menyedari tentang apa-apa Maklumat Dalaman, anda hendaklah mematuhi peraturan dalam Syarikat anda dan memelihara kerahsiaannya.

Selain itu, anda hendaklah mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa tentang perdagangan dalaman negara atau wilayah anda sendiri kerana peraturan mungkin berbeza bagi setiap negara atau daerah.

#### **10. Menghormati Hak Asasi Manusia dan Pencegahan Diskriminasi dan Gangguan**

##### **Prinsip:**

**Kita hendaklah menghormati hak asasi manusia orang lain dan menolak apa-apa diskriminasi atau gangguan.**

##### **Penerangan Prinsip:**

###### **Menghormati Hak Asasi Manusia**

Dalam Prinsip Pengurusan Kumpulan Syarikat Sumitomo mengutarkan "mengutamakan kepentingan integriti dan pengurusan baik dengan menghormati individu". Ini bermakna Kumpulan Syarikat Sumitomo menghormati hak asasi manusia bagi semua individu berhubung dengan Kumpulan Syarikat Sumitomo secara langsung atau tidak langsung.

###### **Pencegahan Diskriminasi dan Gangguan**

Kita tidak boleh ada diskriminasi terhadap individu dari segi kaum, etnik, bangsa, keturunan, warna kulit, umur, jantina, orang kurang upaya, agama, afiliasi politik, keanggotaan kesatuan sekerja, status perkahwinan, atau apa-apa asas lain yang tidak berkaitan dengan pekerjaan kita. Kita tidak sepatutnya menerima sebarang bentuk diskriminasi di tempat kerja contohnya ucapan atau tindakan diskriminasi, gangguan, pembulian, memfitnah, ancaman, keganasan atau kelakuan lain yang menimbulkan rasa takut antara pekerja, atau yang sebaliknya menjadikan mereka tidak selesa.

### Bahagian III: Prinsip Pematuhan Kumpulan

#### 11. Konflik Kepentingan

##### **Prinsip:**

Kita hendaklah sentiasa bertindak demi kepentingan terbaik Kumpulan Syarikat Sumitomo. Kita tidak sepatutnya menggunakan aset syarikat atau mengambil kesempatan jawatan kita dalam syarikat untuk mengejar kepentingan diri sendiri atau pihak ketiga.

##### **Penerangan Prinsip:**

##### **Konflik Kepentingan**

Setiap pekerja wajib bersetia and bertindak demi kepentingan Kumpulan. Anda tidak sepatutnya menggunakan kedudukan atau peranan dalam syarikat untuk mamaut faedah diri sendiri.

##### **Aktiviti yang Tidak Berkaitan dengan Pekerjaan Anda**

Anda hendaklah menjauhkan diri dari terlibat dalam urusan peribadi yang boleh mengganggu tanggungjawab kerja anda. Jika anda ingin atau merancang untuk melibatkan diri dalam aktiviti komersial yang bercanggah dengan kepentingan Kumpulan Syarikat Sumitomo, kamu hendaklah melaporkannya dengan segera kepada pengurus anda.

##### **Penggunaan Aset dan Sistem IT Syarikat yang Wajar**

Anda hanya boleh menggunakan aset syarikat termasuk peranti IT atau sistem IT untuk tujuan pelaksanaan pekerjaan dan tidak sepatutnya menggunakan aset berkenaan untuk tujuan peribadi.

[baki halaman sengaja dibiarkan kosong]

### Tentang Sistem "SC Global Speak-Up"

#### ◆ Apakah Sistem "SC Global Speak-Up"?

"SC Global Speak-Up" merupakan nama sistem pendedahan maklumat dalaman Kumpulan Syarikat Sumitomo. Jika anda menyedari isu pematuhan atau percaya (atas apa-apa alasan) bahawa anda mengalami kesukaran melapor menurut saluran pelaporan biasa, anda boleh melaporkan isu berkenaan dengan menggunakan sistem pemberi maklumat dalaman syarikat anda (jika ada) atau dengan menggunakan "SC Global Speak-Up". Mana-mana laporan yang dibuat melalui "SC Global Speak-Up" akan dimaklumkan kepada Ketua Pegawai Pematuhan ("CCO") Syarikat Sumitomo. Apabila laporan diterima, penyiasatan akan dimulakan serta-merta. Sumitomo menjamin bahawa perkara berikut akan dipatuhi dengan tegas:

- **Maklumat Peribadi**

Jika Pekerja melaporkan isu pematuhan melalui "SC Global Speak-Up", identiti Pekerja dan butir-butir laporan (termasuk apa-apa fakta atau perincian yang ditemui melalui penyiasatan) akan dirahsiakan.

- **Tiada Tindakan Balas**

Syarikat Sumitomo akan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk melindungi Pekerja tersebut dari tindakan yang memudaratkan akibat pendedahan yang telah dibuat.

Maklumat lanjut tentang "SC Global Speak-Up" diterangkan dalam "Garis Panduan SC Global Speak-Up".

#### ◆ Siapakah yang boleh menggunakan "SC Global Speak- Up"?

Semua Pekerja (iaitu, pengarah, pegawai, pekerja, pekerja kontrak, pekerja separuh masa, pekerja yang ditugaskan sementara luar dari Kumpulan dan pekerja sementara) di mana-mana Kumpulan Syarikat Sumitomo boleh melaporkan isu pematuhan melalui "SC Global Speak- Up" .

#### ◆ Apakah jenis isu pematuhan boleh dilaporkan melalui "SC Global Speak- Up"?

Pekerja digalakkan untuk menggunakan "SC Global Speak-Up" untuk melaporkan isu pematuhan signifikan yang boleh memberi kesan negatif yang serius kepada Kumpulan Syarikat Sumitomo. Untuk maklumat lanjut tentang jenis isu pematuhan yang boleh dilaporkan melalui "SC Global

#### Bahagian IV: Tentang Sistem "SC Global Speak-Up"

Speak-Up", sila rujuk "Garis Panduan SC Global Speak-Up".

- ◆ **Bagaimanakah "SC Global Speak-Up" berkaitpaut dengan mana-mana sistem pendedahan maklumat pematuhan dalaman atau sistem talian utama pematuhan yang sedia ada?**

Sumitomo mewujudkan "SC Global Speak-Up" sebagai sistem pendedahan maklumat yang boleh digunakan oleh mana-mana syarikat dalam Kumpulan Syarikat Sumitomo. Jika Kumpulan Syarikat Sumitomo mempunyai sistem pendedahan maklumat atau talian utama pematuhan sama yang sedia ada, "SC Global Speak-Up" adalah sistem tambahan untuk syarikat berkenaan kerana Syarikat Sumitomo tidak berhasrat untuk menggantikan atau memansuhkan mana-mana sistem yang sedia ada. Pekerja Kumpulan Syarikat Sumitomo boleh menggunakan sistem pendedahan maklumat syarikatnya atau "SC Global Speak-Up" untuk melaporkan isu pematuhan.

Dengan memperkenalkan cara tambahan untuk membuat laporan ini, kita boleh mengenal pasti isu pematuhan yang lebih cepat, membendung kesan negatif dan menyelesaikan isu pada peringkat awal.

Tamat

#### Bahagian IV: Tentang Sistem "SC Global Speak-Up"

[www.sumitomocorp.com](http://www.sumitomocorp.com)

Diterbitkan oleh: Jabatan Pematuhan Undang-undang Syarikat Sumitomo